

2 JAN 1996

Ramli - Tanding

RAMLI HARGAI SOKONGAN PADU UMNO PERAK

IPOH, 2 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib menghargai sokongan padu semua bahagian Umno Perak dan Pergerakan Pemuda dan Wanita negeri yang sebulat suara mahukan beliau bertanding jawatan Naib Presiden Umno.

"Kesediaan saya bertanding merebut satu daripada tiga kerusi Naib Presiden itu bukanlah untuk memeriahkan pertandingan semata-mata tetapi sebagai memenuhi hasrat Umno Perak sendiri yang mahu mengetengahkan seorang tokoh daripada negeri ini untuk menduduki hirarki parti yang lebih tinggi," katanya pada pertemuan dengan wakil akhbar di pejabatnya di sini hari ini.

Pada mesyuarat khas yang diadakan Sabtu lepas, semua 23 ketua bahagian Umno, Pergerakan Pemuda dan Wanita Perak sebulat suara bersetuju meminta Ramli bertanding jawatan Naib Presiden itu.

Ramli, yang mengumumkan keputusannya untuk menawar diri bagi merebut jawatan Naib Presiden Umno semalam, berkata mereka mengadakan mesyuarat khas itu secara spontan dan sukarela tanpa pengetahuannya dan keikhlasan itu memberi keyakinan kepadanya untuk bertanding.

"Jika saya tidak mencuba kali ini, saya tidak nampak ada tokoh daripada Perak yang akan menawar diri untuk jawatan itu pada masa depan," katanya sambil menambah bahawa beliau akan menemui presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim sedikit masa lagi untuk memaklumkan hasratnya bertanding jawatan itu.

Ramli merupakan tokoh kedua yang menawarkan diri bertanding untuk jawatan itu selepas Menteri Luar Datuk Abdullah Badawi, yang berbuat demikian pada 21 Disember lepas.

Dua daripada tiga penyandang jawatan itu, Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Taib dan Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan bahawa mereka akan bertanding mengekalkan jawatan itu manakala Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin belum mengumumkan pendiriannya.

Mengenai kekalahannya pada pemilihan untuk jawatan yang sama pada tahun 1987 yang dikatanya berpunca daripada ketidaksetiaan perwakilan daripada Perak, Ramli berkata, "itu tidak benar".

"Saya tidak pernah meragui kesetiaan para perwakilan Perak yang merupakan negeri yang paling ramai menghantar wakil untuk mengundi iaitu melebihi 200 orang, berdasarkan bilangan undi yang saya perolehi ketika itu yang tidak jauh berbeza dengan empat tokoh lain", katanya.

Mengenai strateginya untuk memenangi jawatan itu, Ramli berkata, beliau difahamkan jawatankuasa bertindak Umno di peringkat negeri yang dianggotai oleh semua ketua-ketua bahagian serta Pergerakan Pemuda dan Wanita sudah ditubuhkan untuk mengerakkan kempen.

Ramli juga berkata beliau akan menemui rakan-rakan Menteri Besar lain untuk mendapatkan restu mereka. -- BERNAMA